

05 FEB 2002

KOH-PELABURAN/I

PELABUR AS DISARAN GUNA PAKAI PENDEKATAN PELABURAN "CHINA PLUS M'SIA"

Oleh: Amer Hamzah Mat Sap

PULAU PINANG, 5 Feb (Bernama) -- Pelabur-pelabur Amerika hari ini disaran supaya meninjau potensi pelaburan menggunakan pendekatan "China Plus One" dengan menjadikan Malaysia sebagai pangkalan khas yang lain bagi pengeluaran dan menjalankan lain-lain operasi.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata potensi pasaran China yang begitu luas mampu memikat hati pelabur sementara Malaysia pula mempunyai tarikan tersendiri sebagai lokasi pelaburan pilihan untuk industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam kedua-dua bidang perkakasan dan perisian.

Dalam ucapannya pada Persidangan Pelaburan Malaysia di New York, Dr Koh berkata daya tarikan Malaysia dirangsang oleh keupayaannya mencapai kecemerlangan dalam bidang-bidang khusus, mengekalkan persaingan kos dan menjalinkan usaha sama pintar dengan China dan lain-lain negara Asean. Teks ucapannya dikeluarkan di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan penyampai ucapnama pada persidangan yang dianjurkan secara bersama oleh syarikat pelaburan Salomon Smith Barney, Institut Strategi dan Kepimpinan Asian (ASLI) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Dr Koh mengakui China yang mempunyai pengeluaran kos yang rendah, pasaran dan tenaga kerja yang luas, akan memberikan saingan sengit kepada Malaysia dan juga lain-lain negara.

Tetapi, beliau merasakan China tidak sepatutnya dilihat sebagai ancaman, tetapi dilihat sebagai satu peluang untuk terus berkembang.

"Oleh yang demikian, adalah tidak realistik untuk Malaysia bersaing dengan China dalam semua bidang memandangkan China 50 kali lebih besar daripada Malaysia dari segi jumlah penduduk," kata beliau.

Sebaliknya, Dr Koh berkata Malaysia sepatutnya mengekal dan terus mengembangkan bidang-bidang khusus sedia ada dan memajukan bidang khusus yang baru dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan.

Antara tahun 1997 dan 2000, beliau berkata Malaysia telah menunjukkan prestasi yang agak membanggakan berbanding dengan China dari segi menarik lebih banyak pelaburan asing langsung (FDI).

Walaupun jumlah penduduk Malaysia kurang dua peratus daripada penduduk China yang berjumlah 1.3 bilion, FDI yang memasuki Malaysia berjumlah AS\$18.2 bilion iaitu hampir 11 peratus daripada FDI China dalam tempoh yang sama.

Dr Koh berkata Malaysia patut mengekalkan dan "menajamkan" lagi daya saingnya dan terus menjalin kerjasama pintar yang lebih bersinergi dengan China.

Pada masa yang sama, ia sepatutnya menerokai potensi luas di Asean yang mempunyai jumlah penduduk seramai 525 juta ataupun bersamaan dengan 41 peratus penduduk China.

Oleh yang demikian, beliau menasihati para pelabur merebut peluang pelaburan di Asean selain daripada China.

Dari segi kos keseluruhan dalam menjalankan perniagaan, Dr Koh berkata Malaysia, selain daripada lebih murah berbanding dengan Singapura, Jepun dan AS, kosnya juga lebih efektif jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar China seperti Shanghai, Guangzhou dan Tianjin.

Bidang-bidang khusus Malaysia dalam ICT, kata beliau ialah dalam pemprosesan mikro, peralatan komputer, peralatan komunikasi, peralatan tanpa wayar, komponen optoelektrik dan perkilangan kontrak. -- BERNAMA

AHM SHY AA